



PEMERKASAAN EKONOMI DIGITAL, TRANSFORMASI PERTANIAN PINTAR

# INFO@MAFI

Bilangan 3/2021 (Julai 2021)

[www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my) | [@mafimalaysia](https://www.instagram.com/mafimalaysia) [f](https://www.facebook.com/mafimalaysia) [t](https://www.twitter.com/mafimalaysia) [y](https://www.youtube.com/mafimalaysia)



## **SMART SAWAH BERSKALA BESAR (SMART SBB) INISIATIF MAFI**

# SMART SAWAH BERSKALA BESAR (SMART SBB) INISIATIF MAFI TINGKATKAN SSL BERAS NEGARA DAN PENDAPATAN PESAWAH

Program SMART SBB yang telah dilancarkan pada 23 Februari 2021 lalu merupakan salah satu inisiatif usaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam menyatukan tanah sawah secara pertanian kontrak atau sewaan melalui satu sistem pengurusan bagi mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada dan meningkatkan kecekapan aktiviti penanaman dan pengeluaran hasil lepas tuai.

Program SMART SBB ini menyasarkan peningkatan purata hasil per hektar nasional daripada purata hasil semasa sebanyak 3.5 tan metrik pada tahun 2019 kepada 7.0 tan metrik dalam tempoh RMKe-12. Inisiatif SMART

SBB juga dijangka dapat meningkatkan pendapatan pesawah sebanyak 47% atau RM2,521 per hektar semusim berbanding kaedah yang telah diamalkan sebelum ini.

Pada 31 Julai 2021, YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee telah mengadakan tinjauan ke Seberang Perak bagi melihat sendiri pelaksanaan program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang merupakan salah satu usaha MAFI bagi mempertingkatkan Tahap Sara Diri (SSL) beras negara dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) kepada 75%.



Setakat ini, terdapat 11 Syarikat Peneraju telah memberi komitmen untuk bersama-sama menjayakan pelaksanaan SMART SBB. Syarikat peneraju akan menanggung sepenuhnya kos terlibat serta akan turut menggunakan pelbagai kaedah teknologi baharu atau *Internet of Things (IoT)* selaras dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) serta ekonomi berskala atau *economies of scale* dalam penanaman padi untuk meningkatkan hasil per hektar.

Di kawasan FELCRA Seberang Perak ini, FGV Integrated Farming Holdings Bhd merupakan salah sebuah syarikat peneraju akan memfokuskan kepada penanaman padi wangi MRQ76 keluaran pihak MARDI dengan kerjasama Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Seberang Perak (IADA Seberang Perak) dan FELCRA Plantation Services Sdn. Bhd.

Dalam lawatan yang sama, tinjauan juga turut dibuat ke tapak projek rintis integrasi tanaman padi dan ternakan udang galah yang dilaksanakan oleh IADA Seberang Perak dengan kerjasama syarikat Thirty Three Management Sdn. Bhd untuk meningkatkan pendapatan pesawah.

Turut serta dalam sesi tinjauan ini, Timbalan Menteri I MAFI YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri II MAFI YB Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI Datuk Badrul Hisham bin Mohd dan Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras Encik Azman bin Mahmood.

# PELAN STRATEGIK PEMBANGUNAN INDUSTRI PEDAGING DAN TENUSU NEGARA TUMPU PEMBANGUNAN INDUSTRI RUMINAN NEGARA DALAM TEMPOH RMKe-12

YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee telah melancarkan Pelan Strategik Pembangunan Industri Pedaging Negara (BIF PLAN 2021-2025) dan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tenusu Negara (*DAIRY PLAN 2021-2025*) ketika merasmikan Simposium Ruminan 2021 anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) secara maya pada 27 Julai 2021.

Pelan Strategik Pembangunan Industri Pedaging Negara (BIF PLAN 2021-2025) dan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tenusu Negara 2021-2025 (*DAIRY PLAN 2021-2025*) menumpukan pelbagai inisiatif dan insentif melalui strategi-strategi khusus bagi membangunkan industri ruminan Negara.

Melalui pelan-pelan ini juga, sasaran pengeluaran daging dan susu segar tempatan dapat ditingkatkan dengan penambahan pengeluaran sebanyak 111,000 tan metrik daging dan 20 juta liter susu segar dapat dicapai dalam tempoh lima tahun Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) bagi mencapai sasaran 50% tahap sara diri (SSL) untuk pengeluaran daging dan 100% SSL untuk susu segar menjelang tahun 2025.



Dalam pada itu, pada Simposium Ruminan 2021 ini, sebanyak lima kertas kerja dibentangkan yang menyentuh halatuju industri ruminan negara. Penganjuran simposium ini juga bermatlamat ke arah perkongsian program-program yang telah dijalankan oleh Jabatan dalam pembangunan industri ruminan sepanjang 2020-2021, serta penjelasan mengenai penyakit-penyakit ternakan yang boleh menjejaskan ekonomi serta langkah kawalannya selain penjelasan isu berkaitan haiwan peliharaan.

## PROGRAM MAFI PRIHATIN DIPERKASA DENGAN PENGLIBATAN PIHAK SWASTA

Program MAFI Prihatin yang dilancarkan sejak bulan Januari 2021 adalah bertujuan untuk membantu golongan sasaran yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan bencana alam. Sejak 1 Jun 2021 hingga 18 Julai 2021 sahaja, sebanyak 59,816 orang penerima mendapat manfaat daripada MAFI Prihatin melalui 264 program anjuran Jabatan dan Agensi di bawah MAFI di seluruh negara yang telah melibatkan nilai bantuan sebanyak RM 5.2 juta.

Program MAFI Prihatin diperkasakan lagi dengan penglibatan pihak swasta selaras dengan pendekatan *whole-of-nation* dalam usaha negara memerangi pandemik COVID-19. Sebanyak 13 syarikat swasta dan korporat dalam industri padi beras negara tampil memberi sumbangan *in-kind* dalam bentuk barangan keperluan harian dan makanan kepada MAFI untuk disalurkan kepada golongan sasaran. Pelbagai barangan keperluan harian disumbangkan termasuk beras, minyak, gula dan lain-lain serta pelitup muka dengan nilai keseluruhan sebanyak RM205,400.

Simbolik penyerahan telah disempurnakan oleh YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee di Wisma Tani, pada 23 Julai 2021. Hadir sama, Timbalan Menteri I MAFI, YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri II MAFI, YB Dato' Che Abdullah bin Mat Nawi dan Ketua Setiausaha MAFI, Dato' Haslina binti Abdul Hamid.



## ADAPTASI MAFI BANTU TANGANI KRISIS

YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) I telah turun padang untuk memantau pelaksanaan operasi Pasar Tani Kekal Datin Halimah, Johor pada 10 Julai 2021.

Semenjak bermulanya Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan *Total Lockdown* pada 1 Jun 2021, sebanyak 45 buah outlet Pasar Segar Terkawal (PST) diwujudkan di seluruh negara.

Terdahulu beliau turut mengadakan lawatan ke salah satu Pusat Rujukan Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi seluas 2 ekar yang dibangunkan di Pejabat FAMA Negeri Johor dengan kerjasama Koperasi FAMA Johor Berhad (KPFJB).

FAMA telah membangunkan 20 Pusat Rujukan Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi di seluruh Malaysia yang mana projek ini berfungsi bagi mewujudkan kerjasama strategik usahawan tani dan agensi di bawah MAFI di samping mengoptimalkan hasil pendapatan melalui teknik "*vertical farming*" dan penggunaan tanah di pejabat-pejabat kerajaan.

Dalam siri lawatan kerja ini, MAFI turut menyerahkan sumbangan MAFI Prihatin kepada yang memerlukan dengan kerjasama Koperasi Pemasar FAMA Johor Berhad. Seramai 300 orang penerima terdiri daripada petugas dan penghuni Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Johor (RUMAH BARKAT) dan beberapa lagi rumah kebajikan.



## LAWATAN DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI, TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN II KE LADANG LEMBU DAN KAMBING DESA VISTA

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi, telah mengadakan lawatan kerja ke ladang lembu dan kambing Desa Vista, Sepang pada 30 Julai 2021. Ladang milik Mohd Subhi bin Mohd Musuri, 51 yang mengusaha ternakan lebih 20 tahun memiliki ternakan melebihi 300 ekor lembu dan kambing. Beliau yang juga mengimport lembu hidup terutama untuk musim perayaan, berpengalaman luas dalam bidang penternakan lembu dan kambing. Untuk memudahkan mereka yang ingin berkorban, beliau turut mengusahakan Program Tabung Korban yang mana melalui cara ini memudahkan peserta untuk membuat pembayaran secara ansuran.

Sepanjang mengusahakan ternakan, beliau berkata, pelbagai cabaran dan masalah telah beliau hadapi. Antaranya kenaikan harga lembu import, bahan mentah bagi menghasilkan makanan ternakan, kekurangan tenaga pekerja, serangan penyakit seperti penyakit kulit berbintil (LSD) dan modal yang tinggi dari segi mendapatkan mesin peralatan pertanian.



Selain itu katanya, ketiadaan kemudahan seperti *cool room* dan rumah sembelih turut memberi kesan kepada pengurusan ternakannya. Walaubagaimanapun ujar beliau, dengan adanya bantuan dan khidmat nasihat yang diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar, beberapa masalah yang dihadapi dapat di atasi. Ini termasuklah bantuan perkhidmatan suntikan vaksin dan pengambilan darah ternakan secara berjadual.



## YBHG. DATO' KSU MAFI MEWAKILI MALAYSIA KE PRA-PERSIDANGAN UN FOOD SYSTEMS SUMMIT 2021

YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyampaikan intervensi mewakili Malaysia pada 27 Julai 2021 dalam sesi plenari *Ministerial Roundtable: Transforming Food Systems for Achieving the Sustainable Development Goals: Rising to the Challenge* sewaktu Pra-Persidangan UN Food Systems Summit 2021 yang bertempat di UNFAO, Rome, Itali.



## MESYUARAT KUMPULAN KERJA TEKNIKAL PENGURUSAN PANDEMIK BILANGAN 25/2021

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MAFI, YBrs. Puan Azah Hanim binti Ahmad telah menghadiri Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal Pengurusan Pandemik Bilangan 25/2021 secara maya yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Rodzi bin Md Saad, Ketua Pengarah Keselamatan Negara pada 5 Julai 2021.



## SELAMAT DATANG KEPADA TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PEMBANGUNAN) MAFI BAHARU

Warga kerja MAFI mengucapkan selamat datang dan setinggi-tinggi Tahniah kepada Datuk Badrul Hisham bin Mohd atas pelantikan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI berkuatkuasa pada 19 Julai 2021.